



MAJLIS PEMASYHURAN BANDARAYA KUANTAN



Pada 21 Februari 2021, sejarah tercipta apabila Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) telah dinaiktaraf kepada Majlis Bandaraya dalam Majlis Pemasyhuran yang disempurnakan oleh Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah. Majlis Pemasyuran ini turut dihadiri YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin.

Setinggi ucapan tahniah kepada Yang Dipertua MPK, Datuk Hamdan Hussin yang telah dilantik sebagai Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuantan. Pelantikan ini menjadikannya sebagai Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuantan yang pertama. Kali terakhir majlis seumpama ini diadakan adalah pada 1 September 1979 atau lebih 40 tahun lalu sempena penarafan Kuantan dari sebuah bandar kepada perbandaran.

Pemasyuran ini melambangkan kepesatan proses perbandaran yang berlaku sepanjang tahun yang membawa bersama pelbagai cabaran baharu yang semakin kompleks dan perlu digalas oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Sebagai agensi pelaksana barisan hadapan, PBT perlu mempersiapkan langkah yang strategik untuk mendepani cabaran semasa dan menggalas tanggungjawab yang diberikan.

Cabarannya utama yang mendepani PBT dalam abad ke-21 ialah proses perbandaran yang pesat disamping perkembangan teknologi yang pantas daripada Revolusi Industri atau IR 4.0. Pihak PBT perlu melihat cabaran ini sebagai satu anjakan paradigma pengurusan bandar di Malaysia agar kawasan bandar menjadi lokasi yang lebih kondusif untuk didiami dengan persekitaran kehidupan yang sejahtera.



YB Datuk Hajah Datuk Zuraida Kamaruddin dalam satu sesi temubual mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada MBK dan turut menekankan PBT untuk melaksanakan pengurusan kewangan secara berhemah supaya lebih cekap, berkesan,

berintegriti dan berakauntabiliti, di samping sentiasa kreatif untuk menjana pendapatan baharu. Selaras dengan hasrat ini, KPKT telah menyediakan fasiliti perkhidmatan gerbang pembayaran elektronik (*electronic gateway*) bagi semua permohonan kebenaran merancang. KPKT juga sedang membangunkan infrastruktur fasiliti kemudahan pembayaran secara online di PBTpay secara berperingkat di setiap PBT. Ia melibatkan pembayaran kompaun/denda, pembayaran permit/lesen dan pembayaran sewa kemudahan fasiliti milik PBT untuk kegunaan awam. Kesemua inisiatif ini adalah usaha ke arah perkhidmatan secara *counterless* yang lebih efektif dan cekap kepada rakyat.

KPKT sentiasa berusaha dari semasa ke semasa untuk memperkasakan sistem penyampaian PBT agar rakyat dapat menikmati pembangunan yang mampan di kawasan mereka.